# SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) BANDAR PULAI JAYA, MUKIM SUNGAI RAIA, PERAK

BERKUATKUASA: 26 JULAI 2021

## Aktiviti Dibenarkan

- Mendapat Rawatan Kesihatan

## Aktiviti Tidak Dibenarkan

- Keluar dari rumah bagi aktiviti selain dari yang dibenarkan tanpa kebenaranPDRM.
- Pergerakan keluar penduduk.
- Pergerakan masuk orang luar ke kawasan PKPD.

## Arahan Tetap

- Subseksyen 11(3) Akta 342.
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Pegawai Diberi Kuasa di bawah Akta 342.

| **Waktu Berkuatkuasa** | 24 Jam | **Waktu Aktiviti Dibenarkan** | Seperti keterangan dalam penerangan ringkas | **Pergerakan Penduduk** | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Tempoh Kuatkuasa** | **26 Julai 2021 (12.01 pagi) sehingga 8 Ogos 2021 (11.59 malam)** |
| **Kawasan Terlibat** | **Bandar Pulai Jaya, Mukim Sungai Raia yang merangkumi Kilang UNISEM dan Asrama Kilang UNISEM, Perak (Daerah Kinta)** |
| **Kawalan Pergerakan** | • PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APM Dan RELA.<br>• Laluan keluar masuk kawasan PKPD **DITUTUP DAN DIKAWAL** kemasukan oleh PDRM.<br>• Semua penduduk di dalam kawasan PKPD **TIDAK DIBENARKAN** keluar dari kediaman/tempat tinggal masing-masing. Pergerakan keluar masuk ke dalam kawasan PKPD adalah **TIDAK DIBENARKAN**. Pertimbangan boleh diberikan oleh pihak PDRM dan KKM berdasarkan ***case by case basis.***<br>• Bagi penduduk yang bekerja, majikan dipohon untuk mengambil maklum akan perintah ini dan membenarkan bekerja dari rumah *(work from home).*<br>• Pergerakan dalam/keluar-masuk kawasan PKPD bagi kes kecemasan seperti mendapatkan rawatan kesihatan dan kematian, **DIBENARKAN** setelah mendapatkan kebenaran daripada PDRM.<br>• Perkhidmatan penghantaran (*food panda & grab*) adalah **TIDAK DIBENARKAN** sepanjang tempoh PKPD. |

# SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) BANDAR PULAI JAYA, MUKIM SUNGAI RAIA, PERAK

BERKUATKUASA: 26 JULAI 2021

## Aktiviti Dibenarkan

- Mendapat Rawatan Kesihatan

## Aktiviti Tidak Dibenarkan

- Keluar dari rumah bagi aktiviti selain dari yang dibenarkan tanpa kebenaran PDRM.
- Pergerakan keluar penduduk.
- Pergerakan masuk orang luar ke kawasan PKPD.

## Arahan Tetap

- Subseksyen 11(3) Akta 342.
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Pegawai Diberi Kuasa di bawah Akta 342.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Waktu Berkuatkuasa** | 24 Jam | **Waktu Aktiviti Dibenarkan** | Seperti keterangan dalam penerangan ringkas | **Pergerakan Penduduk** | Dibenarkan dengan bersyarat |

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Saluran Makanan dan Keperluan** | • Keperluan asas bantuan bekalan akan disalurkan oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Daerah Kinta dan diagihkan oleh APM dan RELA.<br>• Pihak Pengurusan Kilang UNISEM dikehendaki menyediakan **keperluan asas bantuan bekalan makanan** bagi Asrama Kilang UNISEM dan akan diselaraskan secara bersama oleh pihak Pengurusan Kilang UNISEM dan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Daerah Kinta.<br>• Pihak Pengurusan Kilang UNISEM juga perlu **menguruskan kediaman dan keperluan makanan** bagi pekerja yang tidak menginap di Asrama Kilang yang berada di dalam Kawasan PKPD.<br>• Sumbangan keperluan makanan dari NGO, ADUN kawasan dan lain-lain akan diselaraskan oleh PKOB Daerah Kinta. |
| **Aktiviti Dalam Kawasan PKPD** | • Aktiviti sosial, sukan, rekreasi dan budaya adalah **TIDAK DIBENARKAN.**<br>• Semua Pusat Perniagaan **TIDAK DIBENARKAN** beroperasi di dalam kawasan PKPD **KECUALI** kedai runcit/pasar mini yang mendapat kelulusan daripada PKOB dan hanya menyediakan perkhidmatan ***Bayar Kepada Penghantar (COD)*** sahaja.<br>• Kilang UNISEM **TIDAK DIBENARKAN** beroperasi dalam tempoh PKPD ini.<br>**(Keputusan Mesyuarat JKKN Perak Khas Bil.6/2021 (VC) pada 23 Julai 2021 jam 8.30 mlm yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar Perak).**<br>• Aktiviti agama Islam adalah tertakluk mengikut ketetapan Pihak Berkuasa Agama Negeri.<br>• Aktiviti agama selain Islam tertakluk mengikut ketetapan Kementerian Perpaduan Negara.<br>• Saringan secara bersasar kepada penduduk di dalam kawasan PKPD akan dilaksanakan oleh KKM.<br>• Lain-lain aktiviti yang ditetapkan oleh Kerajaan. |